



How to cite this article:

Samsudin, S. A., Abdul Manap, N., & Mohd Hussein, S. (2021). Kesesuaian undang-undang untuk perlindungan corak tradisional orang Iban di Sarawak, Malaysia. *UUM Journal of Legal Studies*, 12(1), 219-245. <https://doi.org/10.32890/uumjls2021.12.1.10>

KESESUAIAN UNDANG-UNDANG UNTUK PERLINDUNGAN CORAK TRADISIONAL ORANG IBAN DI SARAWAK

*(The Suitability of Laws for the Protection of Traditional
Design of Orang Iban in Sarawak)*

¹Shahrina Anis Samsudin, ²Nazura Abdul Manap &

³Safinaz Mohd. Hussein

Fakulti Undang-Undang

Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia

¹Corresponding author: shahrinaanis@gmail.com

Received: 10/6/2020 Revised: 19/7/2020 Accepted: 5/8/2020 Published: 31/1/2021

ABSTRAK

Corak tradisional Orang Iban yang semakin mendapat perhatian telah ditiru, dieksploitasi, digunakan tanpa kebenaran dan digunakan dalam keadaan yang menghina Orang Iban. Artikel ini bertujuan untuk memberikan gambaran tentang undang-undang yang sesuai bagi melindungi pengungkapan kebudayaan tradisional (PKT), terutamanya corak tradisional. Hal ini kerana terdapat pelbagai jenis undang-undang yang digunakan di seluruh dunia dalam melindungi PKT dan tiada instrumen undang-undang antarabangsa yang khusus diperuntukkan untuk melindungi PKT. Selain daripada itu, objektif artikel ini juga bertujuan untuk mencadangkan undang-undang yang

sesuai digunakan di Malaysia untuk melindungi corak tradisional Orang Iban daripada perspektif PKT. Kajian perpustakaan dilakukan berdasarkan sumber primer dan sekunder seperti buku, kertas-kertas kajian dan dokumen perundangan melalui pangkalan data elektronik dan carian Internet menggunakan kata kunci seperti perlindungan warisan budaya, perlindungan pengungkapan kebudayaan tradisional, warisan Orang Asal dan perlindungan corak Orang Asal. Dapatan kajian diasingkan dan dibincangkan mengikut jenis undang-undang yang dicadangkan iaitu undang-undang warisan budaya, undang-undang harta intelek, gabungan undang-undang, undang-undang adat dan undang-undang sui generis. Hasil kajian menunjukkan tiada satu jenis undang-undang yang dipersetujui di peringkat antarabangsa untuk melindungi PKT. Kajian ini mencadangkan supaya undang-undang warisan budaya dan harta intelek sedia ada dipinda dan digunakan secara bersama-sama untuk memberikan perlindungan yang pantas untuk beberapa aspek keperluan Orang Iban terhadap corak tradisional mereka. Namun begitu, satu kerangka perundangan baru yang khusus (sui generis) harus digubal untuk memberikan perlindungan yang menyeluruh dan untuk jangka masa yang panjang bagi corak tradisional Orang Iban.

Kata kunci: Corak, harta intelek, perlindungan, pengungkapan kebudayaan tradisional (PKT), warisan budaya.

ABSTRACT

Iban's traditional designs that are gaining attention have been copied, exploited and used without any authorisation, and in derogatory manners. This article intends to provide an overview of the laws suitable to be used to protect traditional cultural expressions (TCEs), especially traditional designs. This is due to the variety of laws used around the world to protect TCEs and the absence of international legal instruments that provide protection to the TCEs specifically. Besides, the objective of this article is also to suggest suitable laws to be used in Malaysia to protect the Iban's traditional designs from the TCEs' perspective. The literature review method was applied based on primary and secondary sources from books, research papers and legal documents which were implemented by means of electronic database and internet search using key terms such as protection of cultural heritage, protection of traditional cultural expressions,

indigenous heritage and protection of indigenous designs. The results were then separated and discussed according to the type of laws suggested, namely cultural heritage law, intellectual property law and combination of different laws, customary law, and sui generis law. The finding showed that there was no single type of law that had been agreed upon at the international level to be used to protect TCEs. This study suggests that the existing cultural heritage and intellectual property law be amended and used together to provide immediate protection to some aspects of the Iban's traditional design. However, a new and specific legal framework (sui generis) needs to be enacted in order to provide comprehensive protection to the Iban's traditional design in the long term.

Keywords: *Intellectual property, pattern, protection, traditional cultural expressions (TCEs), cultural heritage.*

PENGENALAN

Malaysia mempunyai pelbagai etnik Orang Asal yang terdiri daripada Orang Asli di Semenanjung Malaysia, dan kaum Peribumi di Sabah dan Sarawak. Setiap etnik Orang Asal ini kaya dengan pengungkapan kebudayaan tradisional (PKT) seperti corak, tarian, cerita rakyat dan lagu yang melambangkan identiti, budaya, adat, sejarah dan kepercayaan etnik tersebut. Orang Iban merupakan kaum peribumi terbesar di Sarawak (Kerajaan Sarawak, 2017). Antara corak tradisional Orang Iban yang mendapat perhatian ramai ialah corak daripada Pua Kumbu dan Tatu Suku Orang Iban. Corak tradisional ini merupakan salah satu aspek yang penting dalam kehidupan Orang Iban yang ada tatacara penggunaannya dan harus dihormati.

Tidak seperti corak-corak moden yang dilindungi di bawah undang-undang harta intelek seperti di bawah hak cipta, reka bentuk perindustrian atau cap dagangan, corak tradisional Orang Iban tidak dilindungi di bawah undang-undang tersebut. Hal ini menyebabkan corak tradisional Orang Iban mudah ditiru, digunakan tanpa kebenaran, dieksploitasi, dan digunakan sewenang-wenangnya, dengan alasan corak tersebut berada dalam domain awam. Selain daripada menimbulkan masalah ekonomi kepada Orang Iban, hal ini turut menimbulkan isu maruah, kerohanian dan kepercayaan Orang Iban.

Kajian ini bertujuan untuk memberikan gambaran berkenaan kesesuaian undang-undang warisan budaya, harta intelek, adat, gabungan undang-undang dan undang-undang *sui generis* dalam melindungi PKT terutamanya corak tradisional. Perbincangan perlindungan corak tradisional Orang Iban akan dibincangkan daripada perspektif PKT. Cadangan penggunaan undang-undang yang sesuai untuk melindungi corak tradisional Orang Iban di Malaysia juga akan diberikan.

PENGUNGKAPAN KEBUDAYAAN TRADISIONAL DAN CORAK TRADISIONAL ORANG IBAN

Istilah Pengungkapan Kebudayaan Tradisional (PKT) banyak digunakan dalam perbincangan undang-undang harta intelek untuk merujuk kepada perkara warisan yang dimiliki secara kolektif namun masih terus berkembang mengikut perkembangan semasa secara umum. Namun begitu, PKT bukanlah satu istilah yang telah disetujui di peringkat antarabangsa. Antara istilah lain yang selalu diguna pakai secara bergantian untuk merujuk kepada perkara yang lebih kurang sama adalah ‘cerita rakyat’ (*folklore*), ‘pengungkapan cerita rakyat’ (*expressions of folklore*) dan ‘pengetahuan tradisional’ (*traditional knowledge*). Pemilihan istilah dan takrifan yang tepat masih lagi dibincangkan di peringkat antarabangsa. Malah, takrifan tetap untuk PKT juga masih lagi dibincangkan oleh *World Intellectual Property Organisation Intergovernmental Committee of Traditional Knowledge, Traditional Cultural Expressions, and Genetic Resources* (WIPO IGC).

Draf takrifan yang diberikan oleh WIPO pada tahun 2018 dan 2019 boleh dilihat dalam Jadual 1. Draf takrifan yang diberikan oleh WIPO pada tahun 2019 masih mengekalkan beberapa elemen yang sama dengan draf takrifan pada tahun 2018 seperti pengungkapan yang boleh wujud dalam bentuk ketara, tidak ketara atau gabungan keduanya, dan juga ciri dinamik dan berkembang. Draf takrifan pada tahun 2019 telah menambahkan perincian bahawa PKT merupakan hasil aktiviti intelektual, pengalaman atau pandangan bukan sahaja Orang Asal dan komuniti tempatan, malah turut mengambil kira penerima manfaat yang lain. Penambahan ini merupakan penambahan yang bermanfaat kerana hasil aktiviti intelektual, pengalaman atau pandangan pihak selain daripada yang ditakrifkan sebagai kalangan

komuniti tersebut seperti anak angkat keluarga daripada komuniti tersebut atau orang luar yang dipilih oleh komuniti tersebut untuk menjaga dan meneruskan warisan PKT bersama-sama komuniti tersebut boleh turut diterima sebagai PKT. Selain itu, draf takrifan pada tahun 2019 juga menerima sesuatu pengungkapan sebagai PKT dalam bentuk tradisional yang asal atau daripada konteks tradisional. Namun begitu, draf takrifan 2019 telah mengeluarkan beberapa elemen penting bagi PKT iaitu penciptaan, penjanaan dan pengekaln secara kolektif oleh Orang Asal atau komuniti tempatan serta elemen warisan daripada satu generasi kepada generasi yang lain sama ada berturut atau tidak yang mentakrifkan perkataan ‘tradisional’ dalam PKT. Elemen kaitan PKT dengan identiti budaya, sosial dan warisan budaya Orang Asal dan komuniti tempatan dalam takrifan tahun 2018 juga lebih sesuai digunakan bagi menunjukkan kepentingan dan keunikan PKT daripada penggunaan pengungkapan ‘dalam atau daripada konteks tradisional’ sahaja seperti yang digunakan dalam takrifan tahun 2019. Tambahan lagi, draf takrifan PKT pada tahun 2019 juga telah menghadkan takrifan daripada sebarang bentuk pengungkapan pada tahun 2018 kepada sebarang bentuk amalan dan ilmu kebudayaan tradisional yang diungkapkan sahaja. Elemen penggunaan selama tempoh yang ditetapkan oleh Negara Ahli dilihat sebagai bukan satu elemen yang penting kerana telah dikeluarkan daripada draf takrifan tahun 2019 dan juga hanya merupakan satu takrifan pilihan atau cadangan takrifan 2018.

Corak tradisional Orang Iban merupakan satu contoh PKT. Corak tradisional ini boleh wujud dalam dua keadaan iaitu ketara dan tidak ketara, bergantung sama ada corak tersebut diletakkan atau ditetapkan (*fixated*) pada sesuatu artikel atau material. Corak tradisional tersebut telah diwarisi daripada nenek moyang yang telah wujud bergenerasi yang lalu dan masih lagi diguna pakai oleh Orang Iban secara kolektif pada masa kini. Corak tradisional tersebut diguna pakai secara asli seperti yang diwarisi atau dengan sedikit perubahan mengikut cita rasa terkini, namun masih berasaskan corak tradisional yang asal. Selain daripada penggunaan tradisional, corak tradisional Orang Iban kini digunakan pada pelbagai artikel atau permukaan yang berbeza dalam keadaan asli atau yang diinovasi. Corak tradisional tersebut bukan sahaja merupakan salah satu warisan Orang Iban, malah telah menjadi salah satu aset ekonomi yang boleh diguna pakai, dijual atau dilesenkan untuk menjana pendapatan dan meningkatkan ekonomi pada masa kini (Rao, 2009; Vézina, 2018).

Jadual 1

Draf takrifan PKT oleh WIPO IGC pada tahun 2018 dan 2019

Draf Takrifan PKT Tahun 2018 (World Intellectual Property Organization, 2018)	Draf Takrifan PKT Tahun 2019 (World Intellectual Property Organization, 2019 (a))
Sebarang bentuk pengungkapan (kreatif atau spiritual)(artistik atau sastera).	Sebarang bentuk amalan dan ilmu kebudayaan tradisional yang diungkapkan.
Ketara atau tidak ketara atau gabungan keduanya, seperti perbuatan, bahan, muzik dan bunyi, atau dalam bentuk lisan, termasuklah penyesuaiannya yang boleh wujud sama ada dalam bentuk bertulis atau dikodkan, secara lisan atau dalam bentuk lain.	Terdiri daripada bentuk lisan, muzikal, pengungkapan melalui pergerakan, pengungkapan dalam bentuk ketara atau tidak ketara, atau gabungan daripadanya.
Yang dicipta, dijana, diungkapkan, dan dikekalkan secara kolektif oleh Orang Asal dan komuniti tempatan.	Dalam bentuk atau daripada konteks tradisional
Merupakan produk unik oleh dan/ atau berkaitan dengan identiti budaya dan/atau sosial dan warisan kebudayaan Orang Asal dan komuniti tempatan.	Kelihatan atau diserlahkan sebagai hasil aktiviti intelektual, pengalaman atau pandangan Orang Asal, komuniti tempatan dan/atau penerima manfaat yang lain.
Yang boleh bersifat dinamik dan berkembang.	Yang boleh bersifat dinamik dan berkembang.
Dan diwarisi daripada satu generasi kepada generasi yang seterusnya, sama ada berturut atau tidak.	
(Pilihan kedua)	
Telah digunakan selama suatu tempoh masa yang ditetapkan oleh Negara Ahli tetapi tidak kurang daripada 50 tahun atau tempoh masa 5 generasi.	

Kepercayaan animisme dan kosmologi masih lagi diamalkan oleh Orang Iban walaupun kebanyakan daripada mereka telah menganut agama Kristian. Mereka percaya bahawa petanda (*burong*), aktiviti korban (*piring*) dan mimpi adalah tiga cara bagaimana manusia, tuhan dan roh yang wujud di dunia ini berhubung (Magiman, Chelum, Durin, Lim Keh Nie, & Mohd Yusoff, 2018). Rumah panjang yang masih diduduki oleh ramai Orang Iban dianggap sebagai sebuah kampung di mana mereka menjalankan aktiviti berasaskan komuniti dan diketuai oleh Tuai Rumah. Aktiviti-aktiviti ritual, perkongsian ilmu tradisional, mencacah tatu dan penyediaan serta penenunan Pua Kumbu dilakukan bersama-sama di ruai rumah panjang (Linggi, 2001).

Corak-corak tradisional yang digunakan untuk Pua Kumbu dan tatu suku bukanlah corak yang sekadar digunakan untuk hiasan. Setiap corak tersebut digunakan untuk tujuan yang tertentu dan mempunyai maksud yang tersendiri seperti menunjukkan status (Nickademos, 2018), pencapaian mereka dan menceritakan sejarah Orang Iban. Seseengah corak dipercayai mempunyai kuasa perlindungan (Linggi, 2001; Kassim, 2014), penyelamat, penyembuhan, memberi rahmat, memberi rezeki, kegunaan selepas mati, ramalan (Linggi, 2001) dan merupakan medium untuk berkomunikasi dengan tuhan atau roh (Magiman et al., 2018). Seseengah corak diinspirasikan oleh roh kepada orang-orang tertentu dan tidak boleh digunakan sesuka hati, terutamanya oleh penenun Pua Kumbu. Jika pantang-larang tidak dipatuhi, corak-corak yang mempunyai kuasa mistik tersebut dipercayai mampu mencederakan penenun Pua Kumbu, orang-orang yang berdekatan dan juga seluruh komuniti rumah panjang (Linggi, 2001).

Sehubungan itu, corak tradisional Orang Iban ini bukan sahaja harus dihormati semangatnya, tetapi juga mempunyai tatacara penggunaannya. Menurut kepercayaan Orang Iban, penenun yang diinspirasikan oleh roh merupakan pemilik kepada corak yang diinspirasikan tersebut. Jadi, pembayaran (*pemali*) harus diberikan kepada pemilik corak tersebut dalam bentuk sebuah balang kecil (untuk perlindungan jiwa), sebilah pisau besi (untuk menguatkan jiwa), dan sepasang kain (untuk perhiasan) atau bayaran duit yang bersamaan nilai dengan barang-barang tersebut jika penenun lain

ingin menggunakan corak tersebut (Linggi, 2001). Sesetengah corak digunakan oleh semua Orang Iban, manakala sesetengah corak pula berbeza mengikut rumah panjang. Pembayaran turut harus dilakukan sekiranya corak daripada rumah panjang yang lain mahu digunakan. Selain itu, terdapat corak-corak yang harus sentiasa dibuat berpasangan dan diletakkan secara seimbang (Jumpe, 2013), corak harus dikelilingi dengan bentuk bulat atau bentuk lain (Linggi, 2001) dan juga dibuat menghadap satu sama lain terutamanya corak berasaskan binatang (Magiman et al., 2018) supaya kuasa mistik yang terdapat pada corak tersebut tidak mencederakan orang yang membuatnya.

Amalan pembayaran oleh Orang Iban berkaitan penggunaan corak ini mempunyai persamaan dengan konsep perlindungan yang diberikan oleh undang-undang harta intelek seperti hak cipta, cap dagangan dan reka bentuk perindustrian. Corak yang dimiliki oleh pemilik secara eksklusif hanya boleh digunakan oleh orang lain melalui satu perjanjian atau lesen di mana pemilik berhak mendapat suatu pulangan daripada pengguna sebagai balasan kepada kebenaran yang diberikan oleh pemilik untuk menggunakan corak tersebut. Selain itu, peraturan Orang Iban berkenaan corak tradisional turut mempunyai persamaan dengan perlindungan yang diperuntukkan oleh undang-undang cap dagangan berkenaan kedudukan sesuatu tanda. Oleh itu, amalan dalam kalangan Orang Iban sendiri mempunyai falsafah yang lebih kurang sama dengan falsafah undang-undang harta intelek.

EKSPLOITASI DAN PENYALAHGUNAAN PKT TANPA PERLINDUNGAN UNDANG-UNDANG

Corak tradisional Orang Iban yang selalunya digunakan pada Pua Kumbu dan sebagai tatu suku Orang Iban kini turut mempunyai nilai ekonomi. Orang Iban telah mengkomersialkan Pua Kumbu (Bahaudin, 2015) dan mencacah corak tatu suku Orang Iban kepada orang luar dengan pulangan komersial (Pilo, 2018; Mok, 2017) serta menggunakan corak-corak tradisional tersebut pada barangan lain dan dikomersialkan terutamanya dalam industri pelancongan (Borneo Post, 2016; Bizhive, 2015) dan fesyen (Martin, 2017; Fong, 2019).

Aktiviti eksploitasi dan penyalahgunaan corak tradisional Orang Iban dan PKT Orang Asal secara keseluruhannya telah berlaku dengan

meluas. Sebagai contoh, pakaian “Ngepan Indu” Orang Iban yang hanya digunakan oleh dewi-dewi dalam upacara ritual dan telah dikontemporarikan sebagai pakaian wanita Iban sewaktu menari telah dipakai oleh seorang anggota lelaki kumpulan pelawak Zero, semasa persembahan mereka dalam program realiti Maharaja Lawak Mega. Corak pada pakaian tersebut adalah corak yang diilhamkan oleh dewi-dewi melalui mimpi dan tidak boleh ditenun dan dipakai sewenang-wenangnya. Perlakuan tersebut dianggap telah menghina dan mempersendakan maruah Orang Iban (Anon, 2017). Dr Welyne Jeffrey Jehom, seorang ahli antropologi dan juga Ketua di Pusat Pengajian Pribumi Malaysia (*Centre for Malaysian Indigenous Studies*), Universiti Malaya yang sedang menjalankan kerja-kerja berkaitan pemeliharaan tekstil Pua Kumbu Iban juga menjelaskan tentang aktiviti eksploitasi tekstil tersebut di mana penenun tidak diberikan faedah yang adil dan setimpal dengan usaha penenun tersebut. Aktiviti eksploitasi ini juga turut berlaku tanpa sedar di mana peniaga perniagaan sosial yang berniat baik untuk membantu mengkomersialkan barangan komuniti Orang Asal, namun tidak memberikan pulangan faedah seperti tidak dilatih atau latihan tidak mempunyai tujuan, tiada input yang diberikan dalam proses pembuatan kraf, dan juga pembayaran yang tidak setimpal (Alhadjri, 2019).

Tambahan lagi, kemajuan teknologi terutamanya Internet telah membolehkan PKT Orang Asal diakses dan didapati dari mana-mana pelosok dunia dan seterusnya menimbulkan permintaan warga global terhadap barangan dan pengalaman berunsurkan etnik di Malaysia. Demi memenuhi permintaan pasaran global, pelbagai industri terutamanya industri pelancongan dan fesyen telah mengeksploitasi PKT tersebut (Vézina, 2018). PKT bukan sahaja dipromosikan di dalam negara seperti semasa penganjuran Festival Tatu Borneo dan Hari Kraf Kebangsaan di mana pameran, demonstrasi, dan penjualan produk berasaskan PKT, termasuklah corak Pua Kumbu dan Tatu Suku Orang Iban telah dijalankan (Abdul Ghani Azmi, 2017; Sman, 2019). Usaha di peringkat global turut dijalankan seperti permeteraian perjanjian untuk menjual kraf tangan Sarawak di pasaran Eropah dengan Organisasi Perdagangan Bebas Jerman (Fibre2Fashion News Desk, 2010); dan juga acara untuk mempromosikan kraf tangan Malaysia di London (Fibre2Fashion News Desk, 2008).

Pendedahan PKT kepada umum berikutan kemajuan teknologi, aktiviti promosi dan komersial tersebut telah menimbulkan dua isu. Pertama ialah isu integriti. Pemilik, penjaga, atau pemegang taruh tidak dikaitkan sebagai pemilik, penjaga, atau pemegang taruh PKT tersebut sehingga identiti Orang Asal yang khusus tidak lagi dapat dikenal pasti melalui PKT mereka (Azmi et al., 2015). Selain itu, PKT juga telah digunakan tanpa kebenaran, diubah, dicatitkan, dirosakkan, disalah guna, direndah-rendahkan, dan digunakan secara menghina. Demi memenuhi permintaan dan kehendak pelancong, PKT telah diubah tanpa memahami maksud, mengambil kira dan menghargai kepentingan PKT tersebut kepada Orang Asal (Abdul Ghani Azmi, 2017). Perubahan yang dilakukan sesuka hati dan tanpa kebenaran daripada Orang Asal tersebut bukan sahaja telah merosakkan dan mencatitkan keadaan dan nilai PKT yang sebenar, malah turut merendah-rendahkan serta menghina identiti, budaya, dan rohani Orang Asal (Kuek, 2005; Luna, 2104). Hal tersebut meningkatkan lagi kemungkinan untuk PKT hanya tinggal sebagai sejarah akibat eksploitasi dan proses globalisasi (Azmi, Ismail, Abd Jalil, Hamzah, & Daud., 2015).

Isu kedua yang timbul ialah isu ekonomi. Produk berasaskan PKT telah dikomersialkan tanpa sebarang pulangan faedah komersial kepada pemilik, penjaga, pemegang taruh atau komuniti Orang Asal itu sendiri (Mohd Hussein, Mohd Nor, M., & Abdul Manap, 2001; Kuek, 2005; Alhadjri, 2019). Selain itu, penjualan produk berasaskan PKT juga tidak mendapat kebenaran Orang Asal yang terlibat. Produk-produk tersebut juga dijual dengan harga yang lebih rendah berbanding harga yang ditetapkan oleh Orang Asal. Sehubungan itu, komuniti Orang Asal tidak mampu mempertahankan harga produk berasaskan PKT mereka sendiri serta mengawal akses orang luar terhadap pasaran (Abdul Ghani Azmi, 2017) sehingga menyebabkan sesetengah komuniti Orang Asal turut kehilangan punca pendapatan (Nicholas, 2011). Orang luar telah menggunakan PKT Orang Asal sewenang-wenangnya kerana berpendapat bahawa PKT telah pun berada di domain awam, mengubahnya dan seterusnya mendapatkan hak harta intelek terhadap PKT tersebut (Lucas-Schloetter, 2008).

Penyalahgunaan dan eksploitasi PKT Orang Asal merupakan satu ancaman yang besar bukan sahaja kepada maruah, kesinambungan dan kelangsungan hidup Orang Asal, namun turut memberi ancaman

kepada ekonomi negara Malaysia seperti sektor pelancongan, penjualan produk, dan industri fesyen yang turut bergantung kepada PKT Orang Asal. Ciri-ciri PKT yang terdapat pada corak tradisional Orang Asal ini telah menyebabkannya tidak dilindungi oleh undang-undang sedia ada terutamanya undang-undang harta intelek. Corak-corak tersebut dikatakan telah berada di domain awam kerana telah wujud secara bergenerasi dan telah melebihi tempoh masa perlindungan yang diperuntukkan oleh undang-undang harta intelek, justeru itu bebas untuk digunakan oleh sesiapa sahaja. Namun begitu, karya terbitan PKT, terutamanya penciptaan artistik seperti corak, boleh dikenal pasti sumber kolektifnya, berbanding karya cerita rakyat. Jadi, adalah tidak munasabah daripada sudut perundangan di mana Orang Asal tidak mempunyai hak terhadap penciptaan artistik mereka atau untuk mendapatkan perlindungan bagi penciptaan artistik mereka sehingga menyebabkan kepentingan dan kesucian karya artistik tersebut diubah suai dan tidak dihormati (Busch, 2015).

KESESUAIAN UNDANG-UNDANG

Artikel 31 Deklarasi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu terhadap Hak Orang Asal (*Declaration on the Rights of the Indigenous People* [UNDRIP]) telah memperuntukkan hak kepada Orang Asal untuk mempertahankan, mengawal, melindungi, dan membangunkan warisan kebudayaan, pengetahuan tradisional dan PKT mereka. Artikel yang sama turut memperuntukkan hak yang sama terhadap harta intelek warisan kebudayaan, pengetahuan tradisional dan PKT mereka. Oleh itu, Malaysia sebagai salah sebuah negara yang menandatangani Deklarasi ini mempunyai tanggungjawab untuk "... mengambil langkah-langkah berkesan untuk mengiktiraf dan melindungi amalan hak-hak ini." bersama-sama dengan Orang Asal (Deklarasi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu terhadap Hak Orang Asal, Artikel 31(2)).

Di Malaysia dan khususnya untuk perkara warisan budaya di Sarawak, terdapat dua peruntukan statut yang mentadbir perkara warisan budaya iaitu Akta Warisan Kebangsaan 2005 dan Ordinan Warisan Budaya Sarawak 1993. Selain itu, terdapat juga undang-undang harta intelek yang mentadbir, antara lain, karya-karya artistik terutamanya

berkenaan perlindungan, penggunaan dan faedah komersial. Undang-undang tersebut ialah Akta Hak cipta 1987, Akta Reka Bentuk Perindustrian 1996, Akta Cap Dagangan 2019 dan Akta Petunjuk Geografi 2000. Persoalan yang timbul dalam meneliti perlindungan terhadap corak tradisional Orang Iban adalah sama ada undang-undang sedia ada ini mampu memberikan perlindungan kepada corak tradisional Orang Iban yang boleh wujud dalam keadaan ketara dan tidak ketara, tidak berkurang walaupun ditiru dan dikomersialkan, masih terus berkembang mengikuti peredaran masa, namun masih berdasarkan corak tradisional yang asal. Selain itu, adakah undang-undang sedia ada ini juga memperuntukkan hak kepada pemilik, penjaga atau pemegang taruh corak tradisional Orang Iban untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap eksploitasi komersial dan penyalahgunaan corak tradisional mereka.

Isu perlindungan PKT secara umumnya telah dibincangkan di peringkat antarabangsa sejak tahun 60-an (Lucas-Schloetter, 2008) terutamanya oleh Pertubuhan Saintifik, Pendidikan, dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (*United Nations Educational, Scientific, and Cultural Organization* [UNESCO]) dan Pertubuhan Harta Intelek Sedunia (*World Intellectual Property Organization* [WIPO]). UNESCO telah menggubal pelbagai instrumen undang-undang untuk melindungi warisan budaya seperti *Model Provisions for National Laws on the Protection of Expressions of Folklore against Illicit Exploitation and Other Prejudicial Actions 1982* dan *The Convention for the Safeguarding of the Intangible Cultural Heritage 2003*. Pada tahun 2000, WIPO pula telah menubuhkan satu jawatankuasa *WIPO Intergovernmental Committee* (WIPO IGC) *on Intellectual Property and Genetic Resources, Traditional Knowledge and Folklore* untuk membincangkan isu berkaitan perlindungan pengetahuan tradisional, sumber genetik dan PKT. Satu kerangka undang-undang *sui generis* telah dipersetujui untuk digubal namun perbincangan masih lagi dijalankan sehingga kini. Kajian-kajian terdahulu telah menunjukkan percanggahan pendapat tentang pendekatan undang-undang untuk melindungi PKT. Antara pendekatan yang dicadangkan adalah melalui undang-undang warisan budaya, harta intelek, gabungan penggunaan beberapa undang-undang, undang-undang adat Orang Asal dan *sui generis*.

Penggunaan undang-undang warisan budaya dipertimbangkan untuk digunakan bagi melindungi PKT. Hal ini kerana undang-undang warisan budaya melindungi kerohanian dan kepentingan PKT kepada komuniti Orang Asal selain daripada memberikan perlindungan, pemuliharaan dan pemeliharaan kepada PKT tersebut (Forrest, 2010). Undang-undang warisan budaya yang turut menggalakkan aktiviti promosi PKT di mana PKT boleh dilihat dan diakses dianggap sesuai kerana cara tersebut membuatkan PKT lebih dilindungi dan dihargai menurut pandangan universalis (Forrest, 2010). Pengisytiharan PKT sebagai objek warisan di bawah undang-undang warisan budaya turut membuatkan PKT terkenal serta meningkatkan ekonomi negara secara tidak langsung terutamanya melalui industri pelancongan. Namun begitu, aktiviti promosi yang meluas telah memudahkan penyalahgunaan dan eksploitasi serta meletakkan PKT di domain awam. Akibatnya, aktiviti pendokumentasian dan pengisytiharan PKT sebagai objek warisan di bawah undang-undang warisan budaya hanyalah menukarkan PKT kepada bentuk ketara dan digunakan sebagai inventori dan tujuan pengenalan (Abdul Ghani Azmi, 2017), sedangkan pemilik, penjaga dan pemegang taruh PKT tidak diberikan sebarang kuasa untuk mengambil sebarang tindakan terhadap eksploitasi dan penyalahgunaan PKT mereka (Azmi, 2012). Namun begitu, falsafah undang-undang warisan budaya yang melindungi kerohanian dan kepentingan PKT kepada komuniti Orang Asal serta mempromosikan PKT kepada masyarakat dilihat sesuai dan penting untuk digunakan sebagai perlindungan corak tradisional Orang Iban. Hal ini kerana bukan sahaja kerohanian dan kepentingan corak tradisional tersebut kepada Orang Iban dilindungi, promosi yang meluas berikutan pengisytiharan corak tradisional tersebut sebagai satu warisan negara dapat membantu Orang Iban untuk terus berkarya menggunakan corak tradisional tersebut dan memperoleh faedah komersial.

Undang-undang harta intelek pula dilihat sesuai digunakan untuk melindungi PKT kerana perkara-perkara yang boleh dikategorikan sebagai PKT boleh termasuk dalam hal perkara harta intelek dan sesetengah PKT juga telah dikomersialkan oleh Orang Asal. Selain itu, seluruh dunia menggunakan undang-undang harta intelek sebagai undang-undang utama yang melindungi karya-karya artistik yang turut meliputi perkara-perkara yang boleh dikategorikan sebagai PKT (Carpenter, 2004). Undang-undang harta intelek yang turut

mengiktiraf dan memberikan hak kepada pemilik untuk mengawal penghasilan semula, mendapatkan faedah komersial, menghalang eksploitasi komersial dan penyalahgunaan PKT dilihat sesuai untuk melindungi PKT (Bell, 2011). Dalam undang-undang harta intelek di Malaysia, hak-hak pemilik ini boleh ditemui di Seksyen 13 hingga 16B, 25 dan 25A Akta Hak Cipta 1987 (Akta 332), Seksyen 32 dan 33 Akta Reka Bentuk Perindustrian 1996 (Akta 552), Seksyen 48 dan 54 Akta Cap Dagangan 2019 (Akta 815), dan Seksyen 21 Akta Petunjuk Geografi 2000 (Akta 602).

Penggunaan undang-undang harta intelek secara sedia ada yang diubah atau disusun semula menyediakan perlindungan yang pantas dan praktikal untuk PKT terutamanya karya-karya PKT yang lebih kontemporari seperti corak baru yang berasaskan PKT yang boleh menepati keperluan undang-undang harta intelek yang khusus seperti keperluan kebaharuan (Zografos, 2010). Hak-hak yang diberikan oleh undang-undang harta intelek menjawab beberapa kebimbangan dan keperluan Orang Asal mengenai PKT mereka. Hak paterniti untuk dinamakan sebagai pemilik dan hak integriti untuk menghalang perubahan (*altered*), pencacatan (*mutilated*) dan pengubahsuaian (*modified*) diberikan melalui undang-undang hak cipta (Tay, 2013). Selain daripada hak paterniti, Oguamanam berpendapat bahawa hak-hak sampingan harta intelek seperti hak pampasan masih boleh diterima oleh penjaga, pemilik atau pemegang taruh PKT walaupun PKT tersebut sudah berada di domain awam (Oguamanam, 2018). Penggunaan undang-undang harta intelek seperti cap dagangan, cap perakuan (*certification mark*), cap kolektif (*collective mark*) dan petunjuk geografi dalam aktiviti komersial PKT mendapat sokongan beberapa penulis (Antons, 2015; Coombe & Turcotte, 2012; Gervais, 2012; Bell, 2011; Zografos, 2010; Gervais, 2009). Hal ini kerana nilai warisan komuniti Orang Asal yang dapat ditunjukkan melalui penggunaan cap dagangan tersebut telah meraih perhatian yang menjadi sebab pentingnya memberi perlindungan kepada hak harta intelek Orang Asal (Coombe & Turcotte, 2012). Namun begitu, Frankel berpendapat bahawa petunjuk geografi tidak mempunyai mekanisme untuk melindungi PKT terutamanya PKT yang inovatif seperti corak tradisional yang sentiasa boleh diberikan penambahan yang baru (Frankel, 2011; Frankel, 2012). Falsafah dan objektif PKT dan petunjuk geografi adalah berbeza di mana objektif petunjuk geografi memfokuskan pemeliharaan *status quo* manakala perlindungan untuk

PKT perlu mengambil kira aspek inovasi dan perkembangan PKT (Frankel, 2011).

Tambahan lagi, banyak penulis yang berpendapat bahawa falsafah asas harta intelek seperti keperluan keaslian (*originality*) atau kebaruan (*novelty*), penetapan (*fixation*) (Brown & Nicholas, 2012), perlindungan untuk tempoh masa yang terhad dan konsep hak kepunyaan individu itu sendiri bercanggah dengan sifat PKT. Hal ini kerana PKT telah wujud secara bergenerasi, digunakan berulang kali dalam bentuk asli atau dengan sedikit penambahan untuk mengekalkan keaslian PKT, wujud dalam keadaan ketara dan tidak ketara, serta dicipta, ditetapkan atau dimiliki secara kolektif. Oleh itu, undang-undang harta intelek dilihat tidak sesuai untuk digunakan bagi melindungi PKT (Tay, 2010; Macmillan, 2008; Coombe, 1998). Tambahan lagi, undang-undang harta intelek yang hanya melihat sudut material seperti nilai, untung, rugi dan kepentingan komersial (Brown & Nicholas, 2012) serta tidak mengiktiraf sudut kesucian dan kerohanian PKT (Williams & Hardison, 2013) dilihat tidak sesuai untuk melindungi PKT.

Menurut WIPO IGC, corak kontemporari yang telah diadaptasi daripada corak tradisional boleh didaftarkan dan layak mendapatkan perlindungan daripada undang-undang reka bentuk perindustrian. Namun begitu, corak PKT yang merupakan corak asal dan salinannya tidak sesuai dilindungi di bawah undang-undang reka bentuk perindustrian (World Intellectual Property Organization (b), 2019; Janke, 2003). Hal ini kerana corak tersebut tidak baharu atau asli. Selain itu, tiada mana-mana undang-undang yang menetapkan prasyarat untuk mendapatkan kebenaran Orang Asal bagi menggunakan corak PKT Orang Asal dalam proses pendaftaran reka bentuk perindustrian yang dilakukan oleh selain daripada ahli komuniti Orang Asal itu sendiri (Sainsbury, 2015).

Secara umumnya, corak tradisional Orang Iban termasuk sebagai hal perkara yang dilindungi oleh undang-undang harta intelek di Malaysia iaitu sebagai karya artistik di bawah undang-undang hak cipta (Akta Hak Cipta 1987, Seksyen 7(c)), corak atau hiasan di bawah undang-undang reka bentuk perindustrian (Akta Reka Bentuk Perindustrian 1996, Seksyen 3), dan tanda yang boleh dinyatakan secara grafik yang boleh membezakan barangan atau perkhidmatan sesuatu perusahaan

atau persatuan di bawah undang-undang cap dagangan (Akta Cap Dagangan 2019, Seksyen 3(1) dan 72(1)). Hak paterniti dan integriti yang diperuntukkan oleh undang-undang hak cipta juga sesuai digunakan untuk melindungi corak tradisional Orang Iban. Hal ini kerana hak paterniti mampu memberikan pemilikan corak tradisional Orang Iban serta hak-hak lain yang diperuntukkan di bawah undang-undang tersebut kepada komuniti Orang Iban. Hak integriti pula mampu melindungi kesucian dan kepentingan corak tradisional Orang Iban daripada tercemar melalui penyalahgunaan. Undang-undang cap dagangan dan cap kolektif juga sesuai digunakan kerana corak tradisional Orang Iban kini digunakan dalam aktiviti komersial pada pelbagai jenis barangan serta digunakan secara kolektif oleh persatuan-persatuan tertentu seperti Sarakup Indu Dayak Sarawak (SIDS) yang menghasilkan Pua Kumbu secara kolektif. Undang-undang petunjuk geografi juga dilihat sesuai digunakan kerana terdapat corak-corak berbeza yang dapat dikenal pasti mengikut lokasi rumah panjang Orang Iban.

Namun begitu, walaupun corak tradisional Orang Iban merupakan hal perkara yang dilindungi oleh undang-undang harta intelek, falsafah atau keperluan asas undang-undang harta intelek seperti keaslian, kebaruan, penetapan sememangnya tidak dapat dipenuhi oleh corak tradisional Orang Iban melainkan corak kontemporari yang berasaskan corak tradisional tersebut. Pemberian perlindungan untuk tempoh masa yang terhad juga akan membuatkan kesucian dan kepentingan corak tradisional tersebut kepada Orang Iban tidak lagi dihormati setelah tamatnya tempoh tersebut. Konsep hak kepunyaan individu oleh undang-undang harta intelek juga dilihat tidak sesuai digunakan untuk melindungi corak tradisional Orang Iban. Hal ini kerana kesucian, kepentingan dan penggunaan corak tradisional tersebut terpakai kepada kesemua Orang Iban, penjaga dan pemegang amanah mereka, tanpa mengira lokasi di mana mereka berada. Perlindungan yang akan diberikan oleh undang-undang reka bentuk perindustrian, cap dagangan dan cap kolektif hanya kepada corak yang ditetapkan dan didaftarkan akan menyebabkan sebarang penambahan atau pengembangan daripada corak tersebut tidak dilindungi melainkan penetapan dan pendaftaran lain dilakukan untuk corak tersebut dalam keadaan yang baru. Keadaan ini juga akan membuka peluang kepada orang luar untuk membuat penambahan dan pengembangan kepada corak tradisional tersebut dan mendapatkan hak harta intelek terhadap

corak yang berasaskan corak tradisional tersebut untuk diri sendiri. Tambahan lagi, undang-undang reka bentuk perindustrian hanya melindungi corak yang memenuhi elemen perlindungan seperti corak khusus yang digunakan ke atas barangan yang ditetapkan melalui proses perindustrian sahaja. Oleh itu, undang-undang ini tidak akan melindungi corak tradisional Orang Iban yang digunakan ke atas barangan yang pelbagai dan tidak didaftarkan, serta tidak melindungi corak tatu Orang Iban yang dilukis di badan. Hal ini kerana corak tersebut tidak dibuat menggunakan proses perindustrian dan badan manusia bukanlah kategori barangan yang disenaraikan untuk barangan reka bentuk perindustrian.

WIPO (2007) pula telah mengemukakan cadangan untuk penggunaan kombinasi undang-undang yang bersifat pemilikan (*proprietary*), bukan pemilikan (*non-proprietary*) dan juga yang tidak bersifat harta intelek (*non-IP measure*). Namun begitu, Girsberger (2008) dan Torsen (2008) berpendapat bahawa satu instrumen undang-undang yang merangkumi kesemua aspek adalah menyusahkan, jika tidak mustahil untuk dilakukan bagi menangani pelbagai isu berkenaan PKT. Azmi (2012) dan Inawat (2015) pula berpendapat bahawa hak dan falsafah undang-undang warisan budaya yang menumpukan kepada pemeliharaan kesucian warisan dan harta intelek yang melindungi faedah komersial membuatkan kedua-dua undang-undang tersebut sesuai digunakan secara bersama-sama kerana kedua-dua undang-undang tersebut melengkapkan satu sama lain. Azmi et al. (2015) juga berpendapat bahawa penggunaan pelbagai jenis undang-undang secara bersama-sama mampu menangani isu pengkomersialan PKT. Penggunaan undang-undang warisan budaya dan harta intelek secara bersama di Malaysia turut dicadangkan oleh Azmi (2012), namun cara penggunaannya tidak dinyatakan.

Terdapat juga pihak yang berpendapat bahawa undang-undang adat Orang Asal harus dipertimbangkan dan digunakan kerana penyalahgunaan dan penggunaan tanpa kebenaran akan memberikan kesan kepada identiti komuniti Orang Asal secara menyeluruh (Coombe & Turcotte, 2012; Bell, 2011). WIPO (2013), Antons (2009) dan *Four Directions Council Canada* (1996) menyeru dan menekankan pengiktirafan undang-undang dan amalan Orang Asal dalam polisi berkenaan PKT termasuklah tatacara perolehan, penggunaan, perkongsian, serta hak dan tanggungjawab dalam memiliki PKT.

Namun Antons (2009) berpendapat bahawa walaupun undang-undang adat lebih mudah untuk disepadukan dalam sistem *common law* berbanding sistem undang-undang sivil, penyepaduan tersebut tidaklah mudah. Abdul Ghani Azmi (2017) pula mempersoalkan sama ada amalan dan undang-undang adat Orang Asal boleh digunakan untuk PKT di Malaysia kerana amalan dan undang-undang adat terutamanya di Sarawak berada di bawah bidang kuasa eksklusif kerajaan Sarawak (Perlembagaan Persekutuan Malaysia, Senarai IIA-Tambahan kepada Senarai Negeri bagi Negeri Sabah dan Sarawak, Jadual Kesembilan), kewujudannya tidak mempunyai kesan undang-undang yang mengikat di mahkamah khususnya berkenaan PKT dan penggunaannya terhadap kepada Orang Asal yang masih tinggal dalam lingkungan komuniti tradisional. Orang Asal yang telah berhijrah keluar daripada komuniti tradisional juga tidak terikat dengan amalan dan undang-undang adat tersebut. Penerimaan dan pemakaian undang-undang adat Orang Iban dalam melindungi corak tradisional mereka adalah penting kerana pemilikan, penggunaan, kesucian dan kepentingan corak tradisional tersebut memberikan kesan kepada identiti, maruah dan kebudayaan Orang Iban. Tambahan lagi, undang-undang adat Orang Iban ada menerangkan berkenaan tatacara penggunaan dan pembayaran untuk penggunaan corak tersebut yang boleh disamakan dengan konsep pelesenan dan penggunaan harta intelek atau objek warisan budaya. Jalan tengah atau situasi menang-menang harus dicari supaya undang-undang adat Orang Iban boleh diterima pakai dalam melindungi corak tradisional Orang Iban dan tidak terhad kepada Orang Iban yang masih tinggal dalam komuniti tradisional sahaja.

Pertindihan pelbagai undang-undang (Voon, 2015) serta penggunaan undang-undang harta intelek yang tidak mencapai objektif melindungi PKT telah melahirkan pendapat tentang keperluan undang-undang *sui generis* (Puri, 1998; Amegatcher, 2002). Undang-undang *sui generis* adalah undang-undang yang unik dalam sifatnya. Peruntukan undang-undang *sui generis* ini difokuskan kepada sesuatu perkara yang khusus dan tidak terpakai kepada perkara selain yang diperuntukkan oleh undang-undang tersebut. Menurut Tay (2004) dan Janke (1998 & 2003), undang-undang *sui generis* adalah undang-undang yang paling sesuai digunakan untuk menangani isu perlindungan PKT yang unik terutamanya dalam konteks kepentingan budaya. Cottier dan Panizzon (2004) pula mencadangkan hak Harta Intelek Tradisional yang khusus

sebagai satu undang-undang *sui generis* untuk melindungi PKT. Namun begitu, OseiTutu (2011) mempertikaikan keperluan undang-undang *sui generis* untuk melindungi PKT dan berpendapat bahawa masalah yang terdapat dalam undang-undang harta intelek sedia ada dalam melindungi PKT harus dibaiki dan bukannya mewujudkan satu undang-undang *sui generis* yang baharu. Hal ini kerana penggunaan undang-undang *sui generis* akan meningkatkan kos dan mengurangkan kebolehdapatan produk berasaskan PKT. Verma (2005) turut berpendapat bahawa satu instrumen undang-undang *sui generis* tidak mampu untuk menjawab semua kebimbangan berkaitan PKT. Selain itu, undang-undang *sui generis* telah dicadangkan, dihuraikan dan dibincangkan di peringkat antarabangsa untuk PKT seperti yang dilakukan oleh WIPO IGC, namun masih tiada perjanjian antarabangsa yang mandatori telah ditetapkan (Van Caenegem, 2015). Oleh kerana undang-undang *sui generis* memfokuskan kepada perkara yang khusus dan tidak terpakai kepada perkara lain, undang-undang ini dilihat sebagai undang-undang yang sesuai digunakan bagi melindungi corak tradisional Orang Iban. Hal ini kerana falsafah daripada undang-undang warisan budaya, harta intelek, undang-undang adat Orang Iban dan falsafah daripada undang-undang lain yang mampu memberikan perlindungan yang sewajarnya kepada corak tradisional Orang Iban dapat dikumpulkan, digabungkan, digubal dan digunapakai sebagai satu undang-undang *sui generis* yang boleh melindungi corak tradisional Orang Iban. Undang-undang ini dapat memastikan kebolehdapatan produk berasaskan corak tradisional Orang Iban dan pada masa yang sama, memastikan kesucian dan kepentingan corak tradisional tersebut kepada Orang Iban masih terjaga.

Sementara menunggu satu instrumen perjanjian antarabangsa dicapai, terdapat negara-negara yang menggunakan inisiatif sendiri untuk memperuntukkan perlindungan untuk PKT mereka mengikut kesesuaian demografi negara dan keperluan Orang Asal di negara masing-masing. Sebagai contoh, Brazil menggunakan pendekatan gabungan pelbagai undang-undang seperti perlembagaan, undang-undang orang asal, dan undang-undang warisan budaya (1988 *Brazilian Constitution*, 1973 *Indian Statute*, *Decree Law No.25* dan *Decree No.3551*). Panama pula menggunakan pendekatan undang-undang *sui generis* yang berasaskan harta intelek (*Law No.20 on the Special System for the Collective Intellectual Property Rights of Indigenous Peoples*) manakala Oman (*Royal Decree No.6/80 promulgating the*

Law on the Protection of National Heritage) dan Filipina (*National Cultural Heritage Act 2009 (Republic Act No.10066)*) menggunakan pendekatan undang-undang warisan budaya untuk melindungi PKT.

KESIMPULAN DAN CADANGAN

Ketiadaan kes undang-undang yang direkodkan dan publisiti yang meluas tidak bermaksud isu penyalahgunaan dan eksploitasi komersial terhadap corak tradisional Orang Iban ini boleh dipandang enteng, ditolak tepi atau dianggap tidak wujud. Penggunaan dan pengkomersialan corak tradisional tersebut haruslah selaras dengan peruntukan undang-undang yang mampu memberikan perlindungan positif (memberikan hak) dan negatif (mempertahankan hak) kepada pemilik, penjaga, pemegang taruh atau orang-orang yang dibenarkan untuk menggunakan corak tradisional tersebut.

Pendapat yang pelbagai berkenaan kesesuaian undang-undang mencerminkan sebab mengapa tiada persetujuan yang telah dicapai di peringkat antarabangsa. Penggunaan undang-undang yang berbeza di negara-negara yang telah memperuntukkan undang-undang untuk melindungi PKT mereka juga menunjukkan kesesuaian undang-undang yang digunakan adalah bergantung kepada keperluan negara dan Orang Asal di negara tersebut. Untuk perlindungan PKT kepada corak tradisional Orang Iban, pelbagai aspek harus diambil kira seperti keperluan dan kepentingan corak secara tradisional dan moden, penggunaan undang-undang adat Orang Iban berkenaan corak tradisional tersebut, aras pengetahuan, capaian kepada dunia luar dan pasaran, dan hak Orang Iban yang masih tinggal dalam komuniti tradisional dan juga yang telah berhijrah keluar.

Malaysia mempunyai undang-undang warisan budaya yang khusus dan undang-undang harta intelek yang melindungi perkara warisan dan karya artistik. Oleh itu, undang-undang tersebut boleh diguna pakai dengan mengenal pasti ketidacukupannya dan dipinda jika perlu mengikut keperluan yang sesuai bagi corak tradisional Orang Iban. Undang-undang warisan budaya dan harta intelek yang telah dipinda boleh digunakan secara bersama-sama kerana mampu memberikan perlindungan daripada aspek warisan dan juga komersial. Penggunaan undang-undang sedia ada yang dipinda juga

dilihat mampu untuk memberikan satu perlindungan yang pantas kepada corak tradisional Orang Iban dalam beberapa aspek. Namun begitu, satu kerangka perundangan baharu dilihat lebih sesuai untuk memberikan perlindungan yang menyeluruh untuk jangka masa yang panjang. Hal ini kerana, isu berkaitan antropologi sosial dan budaya, sejarah serta kepercayaan Orang Iban harus turut diambil kira selain daripada isu berkaitan warisan dan ekonomi semata. Falsafah asas harta intelek juga tidak boleh diubah sewenang-wenangnya hanya untuk memenuhi ciri-ciri corak tradisional Orang Iban kerana perubahan tersebut akan menjejaskan perlindungan harta intelek yang moden. Oleh itu, satu kerangka perundangan baharu yang khusus (*sui generis*) yang berasaskan falsafah daripada undang-undang warisan budaya, harta intelek dan undang-undang adat Orang Iban dengan mengambil kira isu-isu yang berkaitan dengan corak tradisional Orang Iban harus digubal untuk melindungi corak tradisional Orang Iban di Malaysia. Undang-undang *sui generis* yang baharu bukan sahaja boleh melindungi corak tradisional Orang Iban, malah boleh digubal dengan disesuaikan dengan keperluan corak tradisional daripada kesemua 78 etnik Orang Asal di Malaysia.

PENGHARGAAN

Kajian ini dijalankan di bawah Geran Universiti Penyelidikan Universiti Kebangsaan Malaysia (GUP-2019-063). Sebahagian daripada kajian ini juga telah dibentangkan di Second IP & Innovation Researchers of Asia Conference (IPIRA) 2020 pada bulan Februari di Jakarta, Indonesia.

RUJUKAN

- Abdul Ghani Azmi, I. (2017). Voices from the dead: the uneasy case of indigenous cultural expressions. *International Journal of Law and Management*, 59(4), 522-533.
- Akta Cap Dagangan 2019 (Akta 815).
- Akta Hak Cipta 1987 (Akta 332).
- Akta Petunjuk Geografi 2000 (Akta 602).
- Akta Reka Bentuk Perindustrian 1996 (Akta 552).

- Alhadjri, A. (2019, Oktober 13). *Exploitation of indigenous arts a rampant problem, forum told*. <https://www.malaysiakini.com/news/495667>
- Amegatcher, A. O. (2002). Protection of folklore by copyright - a contradiction in terms. *Copyright Bulletin Vol.36 No,2*, 33-42.
- Antons, C. (2009). Traditional knowledge, traditional cultural expressions and intellectual property rights: Approaches in the Asia Pacific region. Dalam C. Antons (ed.), *Traditional knowledge, traditional cultural expressions and intellectual property law in the Asia-Pacific region*, (hlm. 39-65). Alphen aan den Rijn: Kluwer Law International.
- Antons, C. (2015). Epistemic communities and the “people without history”: The contribution of intellectual property law to the ‘safeguarding’ of intangible cultural heritage. Dalam I. Calboli & Srividhya Ragavan (ed.), *Diversity in intellectual property: identities, interests and intersections* (hlm. 452-471). Cambridge University Press.
- Azmi, I. (2012). Tragedy of the commons: Commercialization of cultural heritage in Malaysia. *Queen Mary Journal of Intellectual Property*, 2(1), 66-78.
- Azmi, I., Ismail, S., Abd Jalil, J., Hamzah, H., & Daud, M. (2015). Misappropriation and dilution of indigenous people’s cultural expression through the sale of their arts and crafts: Should more be done? *Pertanika Journal Social Sciences & Humanities*, 23(S), 165-178.
- Anon. (2017, Februari 22). *Masyarakat Iban tuntutan Kumpulan Zero mohon maaf*. <https://www.mynewshub.tv/utama-sensasi/masyarakat-iban-tuntut-kumpulan-zero-mohon-maaf/>
- Bahaudin, N. H. (2015, April 26). *Kain pua dihasilkan secara moden*. Berita Harian Online: <http://www.bharian.com.my/node/49827>
- Bell, C. (2011). Intellectual Property and Indigenous Cultural Heritage: Ongoing Research and Issues of Reform. *York Centre for Public Policy & Law, Paper 1*, 1-11.
- Bizhive, Y. T. (2015, Mac 28). *Boosting Sarawak’s cultural heritage tourism*. Borneo Post Online: <https://www.theborneopost.com/2015/03/28/boosting-sarawaks-cultural-heritage-tourism/>
- Borneo Post. (2016, November 30). *State’s rich history, culture a tourism draw*. Borneo Post Online: <https://www.theborneopost.com/2016/11/30/states-rich-history-culture-a-tourism-draw/>

- Brown, D., & Nicholas, G. (2012). Protecting indigenous cultural property in the age of digital democracy: Institutional and communal responses to Canadian First Nations and Māori heritage concerns. *Journal of Material Culture*, 17(3), 307-324.
- Busch, A. F. (2015). *Protection of traditional cultural expressions in Latin America a legal and anthropological study*. Berlin: Springer.
- Carpenter, M. M. (2004). Intellectual property law and indigenous peoples: Adapting copyright law to the needs of a global community. *Yale Human Rights & Development Law Journal*, 7, 51-78.
- Coombe, R. J. (1998). Intellectual Property, Human Rights & Sovereignty: New Dilemmas in International Law Posed by the Recognition of Indigenous Knowledge and the Conservation of Biodiversity. *Indiana Journal of Global Studies*, 6(1), 59-115.
- Coombe, R. J., & Turcotte, J. F. (2012). Indigenous cultural heritage in development and trade: Perspective from the dynamics of cultural heritage law and policy. Dalam C. B. Graber, K. Kuprecht, J. C. Lai, & (Ed.), *International Trade in Indigenous Cultural Heritage Legal and Policy Issues* (hlm. 272-305). Edward Elgar.
- Cottier, T., & Panizzon, M. (2004). Legal perspectives on traditional knowledge: The case for intellectual property protection. *Journal of International Economic Law*, 7(2), 371-399.
- Deklarasi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu terhadap Hak Orang Asal (2007).
- Fibre2Fashion News Desk. (2008, Oktober 20). *Harrods to shelve local artifacts soon*. Fibre2Fashion.com: https://www.fibre2fashion.com/news/textile-news/newsdetails.aspx?news_id=64952
- Fibre2Fashion News Desk. (2010, Jun 25). *Sarawak handicraft to flood European markets*. Fibre2Fashion.com: https://www.fibre2fashion.com/news/textile-news/newsdetails.aspx?news_id=87861
- Fong, V. (2019, April 17). *Fashion with a cultural influence*. New Sarawak Tribune: <https://www.newsarawaktribune.com.my/fashion-with-a-cultural-influence/?amp>
- Forrest, C. (2010). *International law and the protection of cultural heritage*. Routledge.
- Four Directions Council. (1996). *Forests, indigenous peoples and biodiversity: Contribution of the four directions council*. Lethbridge: Four Directions Council.

- Frankel, S. (2011). The mismatch of geographical indications and innovative traditional knowledge. *Victoria University of Wellington Legal Research Papers*, 1(6), 1-20.
- Frankel, S. (2012). Branding indigenous peoples' traditional knowledge. Dalam A. T. Kenyon, M. Richardson, W. L. Ng-Loy, & (eds.), *The law of reputation and brands in the Asia Pacific* (hlm. 253-262). Cambridge University Press.
- Gervais, D. (2009). Traditional knowledge: Are we closer to the answer(s)? The potential role of geographical indications. *ILSA Journal of International and Comparative Law*, 15, 551-567.
- Gervais, D. (2012). Traditional innovation and the ongoing debate on the protection of geographical indications. Dalam P. Drahos, S. Frankel, & (ed.), *Indigenous Peoples' Innovation Intellectual Property Pathways to Development* (hlm. 121-146). Australian National University E Press.
- Girsberger, M. A. (2008). Legal protection of traditional cultural expressions: A policy perspective. Dalam C. B. Graber, & M. Burri-Nenova, *Intellectual Property and Traditional Cultural Expressions in a Digital Environment* (hlm. 123- 149). Edward Elgar.
- Inawat, R. J. (2015). Music as cultural heritage: Analysis of the means of preventing the exploitation of intangible cultural heritage. *The John Marshall Review of Intellectual Property Law*, 14(2), 229-248.
- Janke, T. (1998). *Our culture: Our future report on Australian indigenous cultural and intellectual property rights*. Australia: Michael Frankel & Company dan Terri Janke.
- Janke, T. (2003). *Case studies on intellectual property and traditional cultural expressions*. Geneva: World Intellectual Property Organization.
- Jumpo, S. (2013, Januari 4). *Am I wearing this right?* Didapatkan dari Dayak Impressions~Bunga Terung and other Borneo Tattoos: <https://dayakimpressions.wordpress.com/2013/01/04/am-i-wearing-this-right/>
- Kassim, H. (2014, Mei 10). *Nilai tradisi tatu dalam masyarakat Iban*. Utusan Borneo Online:<https://www.utusanborneo.com.my/2014/05/10/nilai-tradisi-tatu-dalam-masyarakat-iban>
- Kerajaan Sarawak. (2017). *Sarawak Population by District 2017*. The Official Portal of Sarawak Data. The Official Portal of

- Sarawak Data: <https://data.sarawak.gov.my/home/data/resourse/d8336af5-4667-463f-aa61-441edad63do8>
- Kuek, C. (2005). Protection of expressions of folklore/traditional cultural expressions: To what extent is copyright law the solution? *Journal of Malaysian and Comparative Law*, 32, 31-70.
- Linggi, M. (2001). *Ties that bind: Iban Ikat weaving*. Tun Jugah Foundation.
- Lucas-Schloetter, A. (2008). Folklore. dalam Silke von Lewinski (ed.), *Indigenous Heritage and Intellectual Property: Genetic Resources, Traditional Knowledge and Folklore* (hlm. 339-484). Wolters Kluwer.
- Luna, S. M. (2014, Disember 4). *Peliharaan nilai estetika 'pua kumbu'*. Utusan Borneo Online: <https://www.utusanborneo.com.my/2014/12/04/peliharaan-nilai-estetika-pua-kumbu>
- Macmillan, F. (2008). Human rights, cultural property and intellectual property: Three concepts in search of a relationship. Dalam C. B. Graber, & M. Burri-Nenova, *Intellectual Property and Traditional Cultural Expressions in a Digital Environment* (hlm. 73-95). Edward Elgar.
- Magiman, M. M., Chelum, A., Durin, A., Lim Keh Nie, C., & Mohd Yusoff, A. (2018). The Iban's Belief towards the Meaning of Pua Kumbu's Motif. *Scholars Journal of Arts, Humanities and Social Sciences*, 6(8), 1490-1496.
- Martin, M. (2017, Julai 14). *Does ethnic heritage have a place in the 21st century fashion runway?* Channel News Asia: <https://www.channelnewsasia.com/news/lifestyle/ethnic-heritage-have-a-place-the-21st-century-fashion-runway-9028522>
- Mohd Hussein, S., Mohd Nor, M., & Abdul Manap, N. (2001). Bringing life to folklore: Problem of definition. *Jurnal Undang-undang & Masyarakat*, 15, 163-168.
- Mok, O. (2017, Ogos 8). *Tribal tattoos: From a rite passage to trendy body art*. Malay Mail: <https://www.malaymail.com/news/life/2017/08/08/tribal-tattoos-from-a-rite-of-passage-to-trendy-body-art/1438127>
- Nicholas, G. (2011). Lessons learned, lessons shared by the IPinCH project. *Truth and Reconciliation Commission, National Research Centre Forum*, (hlm. 1-12). Vancouver, British Columbia.
- Nickademos. (2018, April 11). *Motif-motif tatu masyarakat Iban*. Sarawak-Borneo: <http://adaptapsiborneo.blogspot.com/search?q=motif-motif+tatu+masyarakat+iban>

- Oguamanam, C. (2018, Ogos). Tiered or differentiated approach to traditional knowledge and traditional cultural expressions the evolution of a concept. *CIGI Papers No.185*, hlm. 1-16.
- OseiTutu, J. (2011). A Sui generis regime for traditional knowledge: The culture divide in intellectual property law. *Marquette Intellectual Property Law Review*, 15(1), 147-216.
- Perlembagaan Persekutuan Malaysia 1957.
- Pilo, W. (2018, Disember 25). *Tattoo artist Ernesto helps Iban culture to 'bejalai' around the world*. Dayak Daily: <https://dayakdaily.com/tattoo-artist-ernesto-helps-iban-culture-to-bejalai-around-the-world/>
- Puri, K. (1998, Oktober-Disember). Preservation and conservation of expressions of folklore. *Copyright Bulletin Volume 32 No.4*, hlm. 5-36.
- Rao, S. R. (2009). The relationship between intellectual property and the protection of traditional knowledge and cultural expressions. Dalam U.P.G. (ed.), *Traditional Knowledge & Indigenous Peoples* (hlm. 40-45). L'auravetl'an Information & Education Network of Indigenous Peoples (LIENIP) dan World Intellectual Property Organization (WIPO).
- Sainsbury, M. (2015). Indigenous cultural expression and registered designs. Dalam M. R. (ed.), *Indigenous Intellectual Property* (hlm. 233-249). Edward Elgar.
- Sman, C. (2019, Mac 30). *Craft festival promotes rich cultural heritage*. Borneo Post Online: <https://www.theborneopost.com/2019/03/30/craft-festival-promotes-rich-cultural-heritage/>
- Tay, P. (2004). Protecting works of intellectual creativity of indigenous peoples: A copyright perspective. Dalam G. S. Nijar, A. Sharom, & (pnyt.), *Indigenous People's Knowledge Systems and Protecting Biodiversity*. Advanced Professional Courses.
- Tay, P. S. (2010). Protecting the traditional cultural expressions of Indigenous Peoples: A case study of the Kadazandusun Penampang community in Sabah, Malaysia. *Borneo Research Journal*, 4, 147-168.
- Tay, P. S. (2013). *Intellectual property law in Malaysia*. Sweet & Maxwell Asia.
- Torsen, M. (2008). Intellectual property and traditional cultural expressions: A synopsis of current issues. *Intercultural Human Rights Law Review*, 3, 201-214.

- Van Caenegem, W. (2015). Geographical indications and Indigenous intellectual property. Dalam M. R. (pnyt.), *Indigenous Intellectual Property* (hlm. 289-310). Edward Elgar.
- Verma, S. (2005). Protecting traditional knowledge is a Sui generis system an answer? *The Journal of World Intellectual Property*, 7(6), 765-805.
- Vézina, B. (2018, April). Traditional cultural expressions laying blocks for an international agreement. *CIGI Papers No. 169* , hlm. 1-12.
- Voon, T. (2015). The world trade organization, the trips agreement and traditional knowledge. Dalam M. R. (ed.), *Indigenous Intellectual Property* (hlm. 64-82). Edward Elgar.
- Williams, T., & Hardison, P. (2013). Culture, law, risk and governance: Contexts of traditional knowledge in climate change adaptation. *Climate Change*, 120(3), 531-544.
- World Intellectual Property Organization. (2013). *Customary Law, Traditional Knowledge and Intellectual Property: An Outline of the Issues*. Geneva: World Intellectual Property Organization. Didapatkan dari World Intellectual Property Organization: https://www.wipo.int/export/sites/www/tk/en/resources/pdf/overview_customary_law.pdf
- World Intellectual Property Organization. (2018, September 5). *The Protection of Traditional Cultural Expressions: Draft Articles - REV. 2*. World Intellectual Property Organization: https://www.wipo.int/edocs/mdocs/tk/en/wipo_grtkf_ic_37/wipo_grtkf_ic_37_facilitators_text_tces_rev_2.pdf
- World Intellectual Property Organization(a). (2019, Jun 19). *The Protection of Traditional Cultural Expressions: Draft Articles Facilitators' Rev*. World Intellectual Property Organization: https://www.wipo.int/edocs/mdocs/tk/en/wipo_grtkf_ic_40/facilitators_text_on_tces.pdf
- World Intellectual Property Organization(b). (2019). *The Protection of Traditional Cultural Expressions: Updated Draft Gap Analysis*. Geneva: World Intellectual Property Organization. World Intellectual Property Organization: https://www.wipo.int/edocs/mdocs/tk/en/wipo_grtkf_ic_40/wipo_grtkf_ic_40_8.pdf
- Zografos, D. (2010). *Intellectual property and traditional cultural expressions*. Edward Elgar.